



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 20 TAHUN 2020

ARAHAN KERJA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PROSES KERJA PEMANTAUAN KEMAJUAN PENGUSAHAHASILAN HUTAN DI HUTAN SIMPANAN KEKAL, TANAH KERAJAAN DAN TANAH BERI MILIK

1.0 TUJUAN

- 1.1 Arahан kerja ini bertujuan untuk menggariskan Proses Kerja bagi Pemantauan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan di Hutan Simpanan Kekal (HSK), Tanah Kerajaan (TK), Tanah Beri Milik (TM), yang dilaksanakan oleh Pemegang Lesen/Lesen Kecil/Lesen Pemindah supaya ianya mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan merupakan suatu proses kerja bagi pemantauan kemajuan kerja pengusahahasilan hutan yang dijalankan di HSK, TK dan TM. Ianya adalah untuk memastikan Pemegang Lesen melaksanakan aktiviti pengusahahasilan hutan dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan.
- 2.2 Penyediaan Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan ini hendaklah dilaksanakan setiap bulan melibatkan aktiviti pemantauan kemajuan pengusahahasilan hutan yang meliputi empat (4) aspek utama iaitu infrastruktur; pembalakan; alam sekitar dan pemeliharaan hutan; serta pengeluaran kayu.

3.0 SKOP KERJA

- 3.1 Arahан kerja ini bertujuan untuk menggariskan Proses Kerja bagi penyediaan Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan yang dijalankan di HSK, TK dan TM.

4.0 TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM)/Pengarah Perhutanan Negeri (PPN)/Pegawai Hutan Daerah/Jajahan (PHD) adalah bertanggungjawab menentukan arahan kerja ini dipatuhi. Pematuhan ini merangkumi sesiapa juga yang terlibat

dengan aktiviti Proses Kerja bagi penyediaan Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan yang dijalankan di HSK, TK dan TM.

- 4.2 Kegagalan mana-mana orang dalam mematuhi pelaksanaan arahan kerja ini boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tata tertib.

5.0 KAEADAH PELAKSANAAN

5.1 Punca Kuasa

5.1.1 Punca kuasa bagi melaksanakan arahan kerja ini adalah berpandukan seperti mana berikut:

- i. Minit Mesyuarat Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 yang telah diadakan pada 29 Oktober hingga 1 November 2017 di Terengganu.
- ii. Minit Mesyuarat Kajian Semula Proses Kerja JPSM yang telah diadakan pada 22 Julai 2018 hingga 24 Julai 2018 di Genting Highlands, Pahang.

5.2 Dasar dan Perundangan

5.2.1 Kerajaan adalah komited dalam memastikan bahawa sumber hutan negara akan dibangunkan secara berkekalan sebagaimana terkandung dalam kenyataan Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978.

5.2.2 Undang-undang yang digunakan bagi arahan kerja ini ialah Kanun Tanah Negara, Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) [Akta 313] dan Kaedah-Kaedah Hutan (KKH).

5.3 Pelaksanaan arahan kerja ini melibatkan pelbagai lapisan personel. Tindakan dan tanggungjawab terhadap arahan kerja Pemantauan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan ini adalah seperti berikut:

BIL	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
5.3.1	Menerima Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan daripada Pemegang Lesen (PL) sebelum atau pada 7 hari bulan pada bulan berikutnya seperti format di Lampiran 1 .	PRH
5.3.2	Mengemukakan amaran bertulis kepada PL sekiranya tidak menerima Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan pada 7 hari bulan pada bulan berikutnya.	PRH

BIL	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
5.3.3	Mengarahkan Pegawai BPH memberhentikan pengeluaran hasil hutan dan melaporkan kepada PHD serta memberi ulasan dan syor untuk mengeluarkan Notis Borang 2: Perintah Memberhentikan Kerja Hutan sekiranya tidak menerima Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan daripada PL pada 15 hari bulan berikutnya.	PRH
5.3.4	Meneliti ulasan dan syor PRH dan mengeluarkan notis seperti dalam Borang 2: Perintah Memberhentikan Kerja Hutan di bawah Seksyen 25 Akta Perhutanan Negara 1984 dan memaklumkan kepada PPN.	PHD
5.3.5	Meneliti Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan.	PRH
5.3.6	Meminta PL untuk mengemaskinikan Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan jika tidak lengkap.	PRH
5.3.7	Menentukan di pejabat kawasan yang perlu disemak sekurang-kurangnya 10 peratus berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh PL.	PRH
5.3.8	Mengatur pasukan kerja pemantauan kemajuan pengusahahasilan hutan yang diketuai oleh pegawai yang ber pangkat tidak rendah daripada pengawas hutan.	PRH
5.3.9	Menjalankan pemeriksaan ke atas pengusahahasilan hutan berdasarkan kepada kawasan yang ditentukan oleh PRH.	KP/PH
5.3.10	Merekod penemuan-penemuan ke atas aspek-aspek pengusahahasilan hutan termasuklah kesilapan kerja atau kesalahan hutan.	KP/PH
5.3.11	Mengarahkan PL membuat tindakan pembetulan seperti di Lampiran 2 jika terdapat kesilapan kerja.	KP/PH
5.3.12	Menerima laporan penambahbaikan (termasuk laporan bergambar) daripada PL yang telah melaksanakan tindakan pembetulan.	KP/PH
5.3.13	Melaksanakan semakan semula ke atas tindakan pembetulan yang dilaksanakan oleh PL (jika perlu).	KP/PH
5.3.14	Membuat Laporan Polis apabila berlaku kesalahan hutan.	KP/PH
5.3.15	Mengemukakan Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan yang mengandungi maklumat kesalahan hutan seperti di Lampiran 3 dan Laporan Polis kepada PRH.	KP/PH

BIL	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
5.3.16	Meneliti Laporan Kemajuan Pengusahahasilan hutan yang mengandungi maklumat kesalahan hutan dan Laporan Polis yang dikemukakan oleh KP/PH.	PRH
5.3.17	Mengarahkan Pegawai BPH memberhentikan pengeluaran hasil hutan di BPH.	PRH
5.3.18	Mengemukakan Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan yang mengandungi maklumat kesalahan hutan dan Laporan Polis kepada PHD.	PRH
5.3.19	Meneliti Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan yang dikemukakan oleh PRH dan mengambil tindakan mengeluarkan notis seperti dalam Borang 2: Perintah Memberhentikan Kerja Hutan di bawah Seksyen 25 Akta Perhutanan Negara 1984.	PHD
5.3.20	Mengemukakan Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan yang mengandungi maklumat kesalahan hutan dan Laporan Polis kepada PPN.	PHD
5.3.21	Meneliti Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan yang mengandungi maklumat kesalahan hutan dan Laporan Polis.	PPN
5.3.22	Mengarahkan Pegawai Siasatan untuk melengkapkan kertas siasatan.	PPN
5.3.23	Mengemaskini dan mengemukakan Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan kepada PRH.	KP/PH
5.3.24	Meneliti Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan yang dikemukakan oleh KP/PH.	PRH
5.3.25	Membuat ulasan dan syor dalam Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan dan mengemukakan kepada PHD.	PRH
5.3.26	Meneliti Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan yang dikemukakan oleh PRH.	PHD
5.3.27	Membuat ulasan dan syor dalam Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan dan mengemukakan kepada PPN.	PHD

BIL	TINDAKAN	TANGGUNG JAWAB
5.3.28	Meneliti Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan yang dikemukakan oleh PHD dan membuat keputusan selanjutnya ke atas Laporan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan.	PPN

- 5.4. Carta aliran bagi proses kerja Pemantauan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan adalah seperti di **Lampiran 4**.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pelaksanaan arahan kerja ini adalah terpakai di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat perubahan atau penambahbaikan ke atas arahan kerja yang digariskan, konsultasi dengan IPJPSM perlu diadakan.

7.0 TERMINOLOGI

- 7.1 Terminologi Proses Kerja Pemantauan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) adalah seperti di **Lampiran 5**.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

- 8.1 Arahan Kerja ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia ini dikeluarkan.

9.0 PEMBATALAN

- 9.1 Tidak berkaitan.

10.0 RUJUKAN

- 10.1 Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992).
- 10.2 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].
- 10.3 Manual Perhutanan Jilid II.
- 10.4 Kaedah-kaedah Hutan
- 10.5 Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013).

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 26 Oktober 2020

Lampiran 1

PERINGATAN:

Laporan Kemajuan Pengusaha Silian Hutan ini perlu dikemukakan oleh Pemegang Lesen Ke Pejabat Renj Hutan pada sebelum atau pada setiap 7 hari bulan pada bulan berikutnya. Kegagalan berbuat demikian dianggap telah melanggar syarat-syarat lesen dan tindakan akan diambil oleh pihak Jabatan.

LAPORAN KEMAJUAN PENGUSAHASILAN HUTAN (HSK/TK/TM) (BULAN :.....)

BAHAGIAN A: MAKLUMAT LESEN

Bil	Perkara	
1.	Nombor Lesen	
2.	Nama Pemegang Lesen	
3.	Nama Kontraktor	
4.	Nama Kepala Hutan	
5.	Kompertmen/No. Lot	
6.	Luas (ha)	
7.	HSK/TK/TM	
8.	Renj/Daerah Hutan	
9.	Tempoh Lesen	

BAHAGIAN B: ASPEK INFRASTRUKTUR (HSK bagi PHSB sahaja)

1.0 Jalan Tuju Mengikut Spesifikasi

Bil.	No Jalan Tuju	Status Jalan Tuju (m)			
		Kelulusan	Telah Dibina	Dibina Semasa	Jumlah
1.	JT				
2.	JT				
3.	JT				
4.	JT				
5.	JT				
Jumlah Keseluruhan					
Nisbah Per Hektar					

2.0 Matau (Utama/Sementara) dalam kawasan lesen Mengikut Spesifikasi (HSK sahaja)

Bil.	No. Matau (Utama/ Sementara)	Saiz Matau Sementara	
		Kelulusan	Dibina
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

3.0 Lorong Penarik / Lorong Log Fisher Mengikut Spesifikasi (HSK bagi PHSB sahaja)

Bil.	No. Lorong Penarik / Lorong <i>Log Fisher</i>	Status Lorong Penarik / Lorong <i>Log Fisher</i> (m)	
		Kelulusan	Dibina
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
Jumlah Keseluruhan			
Nisbah Per Hektar (m/ha)			

4.0 Kongsi Mengikut Spesifikasi (HSK sahaja)

Bil.	No. Permit Kongsi	Status Kongsi (m ²)	
		Kelulusan	Dibina
1.			

BAHAGIAN C: ASPEK PEMBALAKAN

1.0 Sempadan Kawasan Lesen

- a. Pemeriksaan Dari Stesen hingga
- b. Pokok Rujukan Sempadan No. hingga

Bil	Perkara	Status			Catatan
		Bersih		Tidak bersih	
1.	Kebersihan sempadan				
2.	Cat Pokok Rujukan Sempadan	Jelas		Tidak Jelas	
3.	Cat Tanda Sempadan	Jelas		Tidak Jelas	
4.	Pancang stesen	Ada		Tiada	
5.	Pokok Rujukan Stesen	Ada		Tiada	

2.0 Penebangan Pokok (HSK bagi PHSB sahaja)

Borang Kawalan Tebangan Pokok dan Kepingan Tag Pokok Yang Ditebang serta lebihan Tag telah dikemukakan kepada PRH pada: -

Minggu	1	2	3	4
Tarikh				

2.0 Pekerja, Jentera/ Mesin dan Papan Tanda

- a. Senarai nama pekerja dan jentera/mesin telah didaftarkan dengan Pejabat Hutan Daerah/Jajahan dan dipamerkan di papan kenyataan kongsi (HSK sahaja).

Ya	Tidak

- b. Semua jenis papan tanda yang mengandungi maklumat berkaitan dengan pengusahahasilan hutan telah dipasang di tempat yang ditetapkan.

Bil.	Jenis Papan Tanda	Ada	Tiada
1.	Papan Tanda Amaran Piawai (500m pada kedua-dua hala)		
2.	Papan Tanda Amaran Piawai (100m pada kedua-dua hala)		
3.	Papan Tanda Tunjuk Arah ke Kawasan Lesen		
4.	Papan Tanda Lesen di Sempadan Kawasan Lesen		
5.	Papan Tanda Lesen di Kongsi		
6.	Papan Tanda Permit Penggunaan Kongsi di Kongsi		
7.	Papan Tanda Lesen di Matau Utama		
8.	Papan Tanda Permit Penggunaan Matau Utama di Matau Utama		
9.	Papan Tanda Matau Sementara		
10.	Papan Tanda Jalan Tuju		
11.	Papan Tanda Kelarian Lorong Penarik / Lorong Log Fisher		

BAHAGIAN E: ASPEK PENGELUARAN KAYU

1.0 Matau Utama/Matau Sementara

- a. Semua kayu balak yang terdapat di matau utama mempunyai no. siri dan spesies yang sama mengikut Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu (HSK sahaja).

Ya	Tidak

b. Anggaran kayu balak di matau utama: m³

c. Anggaran kayu balak di matau sementara: m³

2.0 Status Pendahuluan Royalti Dan Ses

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Pendahuluan Royalti dan Ses	
2.	Bayaran Royalti dan Ses	
3.	Baki Pendahuluan Royalti dan Ses	

Nota: Status di atas adalah dalam bentuk kumulatif

BAHAGIAN F: PELAN KEMAJUAN PENGUSAHASILAN

Pelan Kemajuan Pengusahahasilan berskala 1:5,000 seperti di **Lampiran 1A**.

BAHAGIAN G: PERMOHONAN PENUTUPAN LESEN

Memohon Untuk Menutup Lesen Pengusaha Hasilan

Ya	Tidak

BAHAGIAN H: PENGAKUAN

Saya bagi pihak PL/Kontraktor dengan ini mengaku bahawa keterangan atau maklumat di atas adalah benar dan bertanggungjawab terhadap segala maklumat yang diberikan.

Butiran	Pemegang Lesen/Kontraktor
Tandatangan	
Nama	
No. K/P	
Tarikh	

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

BAHAGIAN I: PENEMUAN KP/PH

ULASAN: INFRASTRUKTUR

ULASAN: PEMBALAKAN

ULASAN: ALAM SEKITAR DAN PEMELIHARAAN HUTAN

ULASAN: PENGETAHUAN KAYU

TARIKH	TANDATANGAN	NAMA	COP JAWATAN

Nota: Jika ruangan tidak mencukupi, sila gunakan lampiran tambahan (termasuk laporan bergambar seperti gambar di lapangan, imej FMRS dan imej pemantauan udara).

**BAHAGIAN J: TINDAKAN PEMBETULAN YANG DILAKSANAKAN OLEH
PEMEGANG LESEN (JIKA BERKAITAN)**

ULASAN			
TARIKH	TANDATANGAN	NAMA	COP JAWATAN

Nota: Jika ruangan tidak mencukupi, sila gunakan lampiran tambahan termasuk laporan bergambar.

BAHAGIAN K: LAPORAN KESALAHAN HUTAN (JIKA BERKAITAN)

ULASAN			
TARIKH	TANDATANGAN	NAMA	COP JAWATAN

Nota: Jika ruangan tidak mencukupi, sila gunakan lampiran tambahan termasuk laporan bergambar.

BAHAGIAN L: LAPORAN PRH

ULASAN			
TARIKH	TANDATANGAN	NAMA	COP JAWATAN

BAHAGIAN M: ULASAN DAN SYOR PHD


ULASAN			
TARIKH	TANDATANGAN	NAMA	COP JAWATAN

BAHAGIAN N: KEPUTUSAN PPN

ULASAN			
TARIKH	TANDATANGAN	NAMA	COP JAWATAN

PELAN KEMAJUAN PENGUSAHASILAN HUTAN

Lampiran 1A



LAMPIRAN 2**JENIS KESILAPAN KERJA DAN TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL**

Kesilapan Kerja	Tindakan	Bidang Kuasa
A. Pemeriksaan Aspek Infrastruktur 1.0 Jalan Tuju dan Sistem Perparitan (i) Permukaan jalan rosak (ii) Kamber jalan rosak (iii) Parit Tepian rosak/tersumbat (iv) Parit Lintang rosak/tersumbat (v) Pembetung rosak/tersumbat (vi) Cerun rentas rosak (vii) Perangkap lumpur/sump rosak (viii) Jambatan rosak	Mengarah PL membuat pembaikan bagi yang rosak dan membersihkan yang tersumbat Memberi peringatan dan amaran kepada PL jika arahan KP/PH tidak dipatuhi	KP/PH PRH
2.0 Lorong Penarik (i) Panjang melebihi 300 m (ii) Lebar melebihi 4 m (iii) Cerun melebihi 36 % (25) (iv) Gangguan tanah yang banyak pada permukaan lorong penarik	Memberi peringatan dan amaran kepada PL supaya mematuhi spesifikasi yang ditetapkan	PHD

Kesilapan Kerja	Tindakan	Bidang Kuasa
B. Pemeriksaan Pembalakan		
1.0 Sempadan Kawasan Lesen		
(i) Sempadan tidak bersih	Mengarah PL membuat pembersihan Memberi peringatan dan amaran kepada PL jika arahan KP/PH tidak dipatuhi	KP/PH PRH
(ii) Cat Pokok Rujukan Sempadan tidak jelas	Mengarah PL mengecat semula Memberi peringatan dan amaran kepada PL jika arahan KP/PH tidak dipatuhi	KP/PH PRH
(iii) Cat Tanda Sempadan tidak jelas	Mengarah PL mengecat semula Memberi peringatan dan amaran kepada PL jika arahan KP/PH tidak dipatuhi	KP/PH PRH
2.0 Pekerja, Jentera dan Syarat-syarat Tambahan Lesen		
(i) Papan tanda lesen di sempadan kawasan lesen, di kongsi dan/atau di matau serta papan tanda tunjuk arah ke kawasan lesen tidak dipasang	Mengarahkan PL memasang papan tanda	PHD
(ii) Papan tanda tidak mengikut spesifikasi	Mengarahkan PL membuat pembetulan	PHD

Kesilapan Kerja	Tindakan	Bidang Kuasa
C. Pemeriksaan Aspek Alam Sekitar Dan Pemeliharaan Hutan <p>1.0 Alam Sekitar</p> <p>1.1 Zon Penampaman Alur Air</p> <p>(i) Cat tanda sempadan tidak jelas</p>	<p>Mengarahkan PL mengecat semula</p> <p>Memberi peringatan dan amaran kepada PL jika arahan KP/PH tidak dipatuhi</p>	KP/PH PRH
<p>2.0 Kawasan Perlindungan</p> <p>(i) Cat tanda sempadan tidak jelas</p>	Mengarahkan PL mengecat semula	KP/PH
D. Pemeriksaan Pengeluaran Kayu <p>(i) Spesies kayu balak di matau tidak sama dengan rekod dalam Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu</p>	<p>Memeriksa tunggul dan membuat pengesahan spesies</p> <p>Sekiranya salah pengecaman spesies semasa Penandaan Pokok, membuat pembetulan dalam Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu</p> <p>Sekiranya salah melekatkan tag tual balak, maklumkan kepada PHD untuk tindakan lanjut</p>	PRH PRH PRH

Kesilapan Kerja	Tindakan	Bidang Kuasa
(ii) Tag tual balak tidak mencukupi (iii) Spesies kayu balak yang dikesan di BPH tidak sama dengan rekod dalam Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu	<p>Memeriksa dan membuat pengesahan</p> <p>Mengeluarkan tag tual balak tambahan</p> <p>Melekatkan tag pada tual balak</p> <p>Membuat pembetulan dalam Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu</p> <p>Mengarahkan pegawai BPH untuk menahan pengeluaran kayu balak berkenaan</p> <p>Memeriksa tunggul dan membuat pengesahan spesies</p> <p>Sekiranya salah pengecaman spesies semasa Penandaan Pokok, membuat pembetulan dalam Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu Balak</p> <p>Sekiranya salah melekat tag tual balak, memaklumkan kepada PHD untuk tindakan lanjut</p>	PRH PRH PRH PRH PRH PRH PRH PRH PRH

JENIS KESALAHAN HUTAN DAN TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL

Kesalahan Hutan	Tindakan	Bidang Kuasa
A. Pemeriksaan Aspek Infrastruktur <p>1.0 Jalan Tuju dan Sistem Perparitan</p> <p>Tidak mematuhi arahan supaya membaiki/membersih perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Permukaan jalan rosak (ii) Kamber jalan rosak (iii) Parit Tepian rosak / tersumbat (iv) Parit Lintang rosak / tersumbat (v) Pembetung rosak / tersumbat (vi) Cerun rentas rosak (vii) Perangkap lumpur / sump rosak (viii) Jambatan rosak 	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan sehingga kerja-kerja pembaikan/ pembersihan siap disempurnakan	PHD
<p>2.0 Lorong Penarik</p> <p>Tidak mematuhi peringatan dan amaran supaya tidak mengulangi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Panjang melebihi 300 m (ii) Lebar melebihi 4 m (iii) Cerun melebihi 36% (25) (iv) Gangguan tanah yang banyak pada permukaan lorong penarik 	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu jika peringatan dan amaran masih tidak dipatuhi Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR	PHD PPN

Kesalahan Hutan	Tindakan	Bidang Kuasa
3.0 Pembinaan infrastruktur tanpa kebenaran (jalan tuju, matau dan kongsi)	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR.	PHD PPN
B. Pemeriksaan Pembalakan		
1.0 Sempadan Kawasan Lesen		
(i) Tidak mematuhi peringatan dan amaran supaya membersihkan sempadan	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan sehingga kerja-kerja pembersihan sempadan siap disempurnakan	PHD
(ii) Tidak mematuhi peringatan dan amaran supaya mengecat semula Pokok Rujukan Sempadan	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan sehingga kerja-kerja pembersihan sempadan siap disempurnakan	PHD
(iii) Tidak mematuhi peringatan dan amaran supaya mengecat semula Tanda Sempadan yang tidak jelas	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan sehingga kerja-kerja pembersihan sempadan siap disempurnakan	PHD
(iv) Pokok Rujukan Sempadan dirosak dengan sengaja	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR	PHD PPN


Kesalahan Hutan	Tindakan	Bidang Kuasa
(v) Lencongan sempadan	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR	PHD PPN
(vi) Pencerobohan luar sempadan	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR	PHD PPN
2.0 Penebangan Pokok		
(i) Tebangan pokok tanpa Tag Tanda Pokok Tebangan	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR	PHD PPN
(ii) Tebangan pokok Pokok Ibu/Pokok Perlindungan	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR	PHD PPN

Kesalahan Hutan	Tindakan	Bidang Kuasa
<p>3.0 Pekerja, Jentera dan Syarat-syarat Tambahan Lesen</p> <p>(i) Pekerja tanpa Sublesen atau tempoh sah Sublesen luput</p> <p>(ii) Jentera tidak berdaftar atau tempoh sah pendaftaran luput</p> <p>(iii) Papan tanda lesen di sempadan kawasan lesen, di kongsi dan/atau di matau serta papan tanda tunjuk arah ke kawasan lesen tidak dipasang</p> <p>(iv) Tidak mematuhi arahan menyediakan Papan tanda mengikut spesifikasi</p>	<p>Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR</p> <p>Mengarahkan PL memohon Sublesen</p> <p>Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR</p> <p>Mengarahkan PL mendaftar jentera</p> <p>Mengarah PL memberhentikan kerja hutan sehingga kerja-kerja pemasangan papan tanda lesen/ kongsi/ matau/ tunjuk arah siap disempurnakan</p> <p>Mengarah PL memberhentikan kerja hutan sehingga kerja-kerja penyediaan papan tanda mengikut spesifikasi siap disempurnakan</p>	PPN PRH/ PHD PPN PRH/ PHD PHD PHD
<p>C. Pemeriksaan Aspek Alam Sekitar Dan Pemeliharaan Hutan</p> <p>1.0 Alam Sekitar</p> <p>1.1 Zon Penampang Alur Air</p> <p>(i) Tidak mematuhi peringatan dan amaran supaya mengecat semula tanda sempadan</p>	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan sehingga kerja mengecat semula siap disempurnakan	PHD


Kesalahan Hutan	Tindakan	Bidang Kuasa
<p>1.2 Alur Air</p> <p>(i) Pencemaran alur air oleh sisa pembalakan dan bahan buangan pepejal</p> <p>(ii) Pencemaran air disebabkan minyak dan racun</p>	<p>Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu</p> <p>Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR</p> <p>Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu</p> <p>Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR</p>	<p>PHD</p> <p>PPN</p> <p>PHD</p> <p>PPN</p>
<p>1.3 Tanah</p> <p>(i) Pembersihan tanah tanpa kebenaran</p>	<p>Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu</p> <p>Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR</p>	<p>PHD</p> <p>PPN</p>

Kesalahan Hutan	Tindakan	Bidang Kuasa
2.0 Kawasan Perlindungan (i) Tebangan pokok menyebabkan kerosakan berlebihan kepada kawasan perlindungan	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR	PHD PPN
3.0 Pokok Ibu/Pokok Perlindungan (i) Kerosakan kepada Pokok Ibu/Pokok Perlindungan	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR	PHD PPN
D. Pemeriksaan Pengeluaran Kayu (i) Spesies kayu balak di matalu tidak sama dengan rekod dalam Buku Penandaan Pokok dan Kawalan Pengeluaran Kayu kerana diambil daripada pokok yang tidak ditanda (ii) Kayu balak tiada tanda pengelasan terletak di luar Kawasan lesen	Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR Mengarah PL memberhentikan kerja hutan dan/atau menahan pengeluaran kayu Mengambil tindakan selanjutnya setelah mendapat pandangan TPR	PHD PPN PHD PPN

Carta aliran bagi proses kerja Pemantauan Kemajuan Pengusahahasilan Hutan



Carta aliran bagi proses kerja Pemantauan Kemajuan Pengusaha Hasil Hutan



TERMINOLOGI

- | | |
|-------------------------|--|
| Balai Pemeriksaan Hutan | - Tempat di mana semua hasil hutan dibawa untuk diukur, ditimbang atau dikira untuk ditaksir royalti, ses pembangunan hutan dan caj-caj hutan yang lain. |
| Hasil Hutan | - Hasil Hutan termasuklah:
(i) Apabila dijumpai di dalam atau di bawa keluar dari Hutan Simpanan Kekal (HSK):
(a) guano, gambut, batu batan, pasir laut, pasir sungai, kerang laut, pasir kerang dan tanah permukaan.
(ii) Apabila di jumpai di dalam atau di bawa keluar dari HSK atau tanah kerajaan:
(a) pokok-pokok dan semua bahagian atau hasil pokok yang tidak disebut selepas daripada ini;
(b) tumbuh-tumbuhan termasuk peganjal, tumbuhan menjalar, rumput dan semua bahagian atau hasil tumbuh-tumbuhan sedemikian; dan
(c) sutera, kokun, madu/lilin dan sarang burung boleh makan.
(iii) Apabila dijumpai di dalam atau di bawa keluar dari HSK, tanah kerajaan, tanah lombong, tanah rizab atau tanah Beri Milik:
(a) kayu, kayu api, arang, getah, getah daun taban, minyak kayu, kulit kayu, ekstrak kulit, damar dan atap. |
| Hutan Simpanan Kekal | - Hutan Simpanan Kekal (HSK) ialah mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan sebagai HSK menurut seksyen 2, APN 1984 [Akta 313]. Kawasan tersebut ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan semua hasil hutan dalam kawasan ini adalah milik Kerajaan Negeri. |
| Kawasan Lesen | - Kawasan lesen pengusahahasilan bagi arahan kerja ini ialah kawasan yang dilulus dan dilesenkan seperti Lesen, Lesen Kecil dan Lesen Pemindah. |
| Kesilapan Kerja | - Kesilapan kerja bagi maksud arahan kerja ini ialah ketidakpatuhan kepada mana-mana panduan atau peraturan kerja yang ditetapkan. |
| Kesalahan Hutan | - Kesalahan hutan bagi maksud arahan kerja ini ialah apa-apa perlenggaran atau kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan tertentu di bawah Akta |

	Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Kaedah-Kaedah Hutan atau syarat-syarat lesen/lesen kecil/lesen pemindah yang berkaitan dengan aktiviti pengusaha hasilan hutan.
Lesen	<ul style="list-style-type: none"> - Lesen ialah suatu dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri di bawah seksyen 19, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] untuk membenarkan pengambilan Hasil Hutan.
Lesen Kecil	<ul style="list-style-type: none"> - Suatu dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri di bawah seksyen 28, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] untuk membenarkan pengambilan Hasil Kecil Hutan.
Lesen Pemindah	<ul style="list-style-type: none"> - Dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri di bawah seksyen 41, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] untuk memindahkan Hasil Hutan dari mana-mana TM, LPS, TL dan TR.
Pemegang Lesen	<ul style="list-style-type: none"> - Seseorang yang dikeluarkan kepada Lesen/Lesen Kecil/Lesen Pemindah.
Sempadan Kawasan Lesen	<ul style="list-style-type: none"> - Asas untuk menentukan had kawasan yang boleh dikerjakan dalam pengusahahasilan hutan.
Tanah Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> - Tafsiran tanah Kerajaan menurut seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56] ialah semua tanah di dalam negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai laut, seperti yang termasuk di dalam wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah) selain daripada: <ul style="list-style-type: none"> (i) tanah beri milik; (ii) tanah rizab; (iii) tanah lombong; dan (iv) mana-mana tanah yang, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan hutan.
Tanah Beri milik	<ul style="list-style-type: none"> - Sebagaimana yang disifatkan di bawah Seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56], tanah Beri Milik ialah mana-mana tanah (termasuk mana-mana petak dari sebuah bangunan pecah sempadan) yang satu hakmilik berdaftar pada masa itu sedia ada baginya sama ada muktamad atau bersyarat, sama ada untuk selama-lamanya atau untuk satu tempoh beberapa tahun, dan sama ada diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah akta ini atau dalam

menjalankan mana-mana undang-undang tanah terdahulu, tetapi tidak termasuk tanah lombong. Pemilikan hasil hutan adalah bergantung kepada tafsiran hasil hutan yang dinyatakan di bawah seksyen 2, Akta Perhutanan Negara 1984.

Tanah Lombong

- Tanah Lombong ialah mana-mana tanah yang diberi atau dikeluarkan Pajakan Melombong atau Sijil Melombong.

Tanah Rizab

- Tanah rizab ialah tanah yang dirizabkan untuk maksud awam menurut seksyen 62 KTN (atau mana-mana undang-undang terdahulu), seperti rizab padang ragut rumput, rizab padang permainan, rizab kubur dan sebagainya.

SINGKATAN

APN	-	Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]
BPH	-	Balai Pemeriksaan Hutan
HSK	-	Hutan Simpanan Kekal
IPJPSM	-	Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JPN	-	Jabatan Perhutanan Negeri
KP	-	Ketua Pasukan
KPPSM	-	Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
LPS	-	Lesen Pendudukan Sementara
PHD	-	Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PHSB	-	Pengurusan Hutan Secara Berkekalan
PL	-	Pemegang Lesen
PPHD	-	Penolong Pegawai Hutan Daerah/Jajahan
PPN	-	Pengarah Perhutanan Negeri
PRH	-	Pegawai Renj Hutan
PH	-	Pengawas Hutan
TK	-	Tanah Kerajaan
TL	-	Tanah Lombong
TM	-	Tanah Beri Milik
TR	-	Tanah Rizab
TPPN	-	Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri